

Projek jejas 5,000 penduduk

» *Pakar gesa henti tebang zon tadahan Tasik Pedu, elak pencemaran*

Oleh Farah Marshita Abdul Patah

farahmarshita@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Projek agropelancongan oleh kerajaan PAS Kedah akan memberi kesan buruk kepada kira-kira 5,000 penduduk berhampiran Tasik Pedu jika tidak dihentikan segera.

Pakar alam sekitar berpendapat projek agropelancongan tidak sepatutnya dilakukan dengan menebang hutan simpan sebaliknya sesuai dilaksanakan di tanah pertanian atau tanah terbiar.

Ketua Unit Pemodelan Alam Sekitar, Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Hafizan Juahir, berkata air Su-

ngai Pedu sudah mula tercemar dan berlumpur, sekali gus mengakibatkan kerosakan ekologi alam sekitar.

Nilai kesan EIA

Katanya kerajaan negeri seharusnya membuat kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA) serta mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar sebelum melaksanakan sebarang aktiviti penebangan hutan.

Katanya, kawasan Tasik Pedu adalah hutan pemeliharaan bernilai tinggi dan jika ditebang, ia akan menjejaskan kemampuan pengambilan semula air bawah tanah sekali gus menyebabkan banjir di kawasan tanah rendah.

“Kawasan hutan yang ditebang mampu mempercepatkan hakisan tanah dan mengakibatkan risiko pemendapan sungai.

“Oleh itu, Sungai Pedu yang menyalurkan air dari tasik ke kawasan pertanian juga akan mendap dan seterusnya menjejaskan bekalan air,” katanya kepada *BH*.

Sebelum ini, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak, mengakui wujud

aktiviti penebangan hutan di sekitar kawasan Tasik Pedu, yang dibangunkan untuk tujuan agropelancongan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Teliti projek sebelum

“Mereka seharusnya meneliti semula kegagalan projek terdahulu sebelum melaksanakan sesuatu projek baru supaya tidak berlaku kerugian dan kemusnahan yang teruk.

Ketua Kluster Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Pembangunan, Majlis Profesor Negara, Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata kawasan hutan simpan kekal tidak seharusnya digunakan selain tujuan perhutanan.

“Hutan simpan kekal perlu dijaga kerana ia adalah warisan generasi muda. Projek yang berasaskan hutan boleh dilakukan sekiranya membatik perkhidmatan alam sekitar atau pelancongan berasaskan rimba.

“Kalau kerajaan negeri nak buat projek agropelancongan, mereka boleh buat atas tanah pertanian atau di kawasan hutan terbiar, bukan dengan mengubah suai tanah hutan simpan kekal,” katanya.

“*Kawasan hutan yang ditebang mampu mempercepatkan hakisan tanah dan mengakibatkan risiko pemendapan sungai. Oleh itu, Sungai Pedu yang menyalurkan air dari tasik ke kawasan pertanian juga akan mendap dan seterusnya menjejaskan bekalan air*”

Dr Hafizan Juahir,
Ketua Unit Pemodelan Alam Sekitar, Pusat Kecemerlangan Forensik Alam Sekitar UPM